



Laporan Survei Pelancongan Domestik 2024 Mengikut Negeri

STATISTIK PELANCONGAN DOMESTIK MENGIKUT NEGERI, 2024

Seramai 260.1 juta **Pelawat Domestik** dicatatkan pada 2024 dengan **Nilai Terimaan** RM106.7 bilion




Jumlah Pelawat Domestik (260.1 juta)



Jumlah Terimaan (RM106.7 bilion)


Petunjuk:

■ Pelawat Domestik (juta)
■ Terimaan (bilion)




STATISTIK UTAMA PELANCONGAN DOMESTIK

3 NEGERI UTAMA



Sumber: Survei Pelancongan Domestik 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Jumlah Terimaan Pelancongan Domestik mengikut Negeri, 2023-2024



■ 2023 ■ 2024



Pelancongan domestik melonjak 7.8 peratus pada suku tahun kedua 2025 dengan merekodkan 73.8 juta pelawat domestik

- Dari segi prestasi pelancongan domestik mengikut negeri 2024, Selangor mencatatkan jumlah pelawat domestik paling tinggi iaitu seramai 34.5 juta pelawat, diikuti oleh W.P Kuala Lumpur (27.0 juta) dan Perak (21.8 juta). Negeri Perak turut merekodkan jumlah ketibaan pelancong paling ramai pada tahun 2024, dengan peningkatan sebanyak 36.1 peratus kepada 10.2 juta pelancong berbanding 7.5 juta pelancong pada tahun sebelumnya.
- Selari dengan pertumbuhan positif bagi ketibaan pelawat domestik, semua negeri turut mencatatkan peningkatan dalam terimaan pelancongan, di mana Selangor merekodkan terimaan pelancongan domestik tertinggi pada tahun 2024 iaitu sebanyak RM14.2 bilion dengan peningkatan 28.1 peratus berbanding RM11.1 bilion pada tahun 2023.
- Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan terimaan RM14.1 bilion, meningkat berbanding RM11.0 bilion pada tahun sebelumnya. Pahang dan Sabah turut mempamerkan pertumbuhan terimaan yang kukuh, masing-masing mencatatkan RM8.7 bilion (2023: RM6.7 bilion) dan RM8.6 bilion (2023: RM6.7 bilion).
- Membeli-belah kekal sebagai penyumbang utama kepada terimaan pelancongan, dengan terimaan sebanyak RM39.91 bilion. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendahului dengan RM6.78 bilion, diikuti Selangor (RM6.10 bilion) dan Sarawak (RM3.21 bilion).
- Sementara itu, perbelanjaan makanan & minuman merupakan sumbangan kedua tertinggi mencatatkan RM17.34 bilion. Selangor merekodkan sumbangan tertinggi iaitu RM2.22 bilion, diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (RM2.07 bilion) dan Perak (RM1.50 bilion).
- Melawat saudara & rakan-rakan merupakan tujuan utama perjalanan bermalam pelancongan domestik bagi semua negeri kecuali Melaka, di mana percutian/ riadah/ rehat merupakan tujuan utama perjalanan.



- Sementara itu, purata bilangan hari menginap (ALOS) nasional adalah 2.49 malam, menunjukkan peningkatan berbanding 2.45 malam pada 2023. Beberapa negeri merekodkan ALOS melebihi peringkat nasional termasuk Johor (2.57 malam), Kedah (2.77 malam), Kelantan (2.98 malam), Pulau Pinang (2.53 malam), Terengganu (2.50 malam), Sabah (3.01 malam), Sarawak (3.09 malam) dan Wilayah Persekutuan Labuan (2.84 malam).
- Berdasarkan profil sosial & demografi, 11 negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya menerima majoriti pelawat domestik daripada isi rumah yang berpendapatan di antara RM5,001 dan RM10,000 sebulan manakala Sabah menerima majoriti pelawat domestik daripada isi rumah yang berpendapatan di antara RM3,001 dan RM5,000 sebulan. Sementara itu, empat negeri iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis merekodkan peratusan tertinggi pelawat domestik daripada isi rumah berpendapatan RM1,001 hingga RM3,000 sebulan.
- Bagi semua negeri, penyumbang utama kepada pelancongan domestik adalah pelawat domestik daripada kumpulan umur 25 hingga 39 tahun. Dari segi jantina pula, pelawat domestik lelaki dan perempuan juga adalah tertinggi daripada kumpulan umur yang sama bagi setiap negeri, kecuali Selangor dan Wilayah Persekutuan Labuan, di mana pelawat lelaki lebih tertumpu dalam kumpulan umur 40 hingga 54 tahun.

